



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 08/2015

Rujukan : Bil (55) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

13 Mac 2015

Timbalan Setiausaha Bandaraya /
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

DOKUMEN PERJANJIAN YANG TIDAK LENGKAP

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak Yg. Bhg. Dato' / tuan / puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, terdapat beberapa dokumen perjanjian yang tidak dapat dilengkapkan dalam tempoh masa yang sepatutnya. Hal ini menyebabkan pembayaran kepada pihak kontraktor/pembekal tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat "query" berkaitan dokumen perjanjian.

3. Perkara sebegini terjadi apabila Yg. Bhg. Datuk Bandar ingin melihat secara terperinci isi kandungan dokumen perjanjian, ketetapan, syarat-syarat dan pelaksanaan yang akan dibuat sebelum menandatangani dokumen perjanjian tersebut. Pada masa sekarang, Jabatan Kewangan juga menguruskan penyediaan dokumen perjanjian iaitu Bahagian Bekalan Dan Perolehan. Apabila terdapat beberapa dokumen perjanjian yang ingin dilihat secara terperinci oleh Yg. Bhg. Datuk Bandar, pegawai/anggota di Bahagian Bekalan Dan Perolehan tidak dapat memberikan maklumat yang diminta khususnya berkaitan aspek-aspek teknikal.

4. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pegawai/anggota di setiap jabatan untuk berjumpa dan menjelaskan kepada Yg. Bhg. Datuk Bandar berkaitan maklumat terperinci yang diinginkan oleh Yg. Bhg. Datuk Bandar bagi dokumen perjanjian yang masih tidak ditandatangani. Pihak jabatan boleh membuat semakan terlebih dahulu dengan Bahagian Bekalan Dan Perolehan bagi mengetahui di mana dokumen perjanjian tersebut.


ARAHAN KEWANGAN BIL. 08/2015

5. Sekiranya telah lama berada di Pejabat Datuk Bandar, pegawai/anggota dari jabatan yang berkenaan perlu berjumpa dengan Yg. Bhg. Datuk Bandar bagi menyelesaikan perkara tersebut. Arahan Kewangan ini berkuatkuasa serta merta setelah ianya ditandatangani.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD. ZAKUAN BIN HAJI ZAKARIA, PMP., AMP.)
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Ipoh